

# Pelajar diingat bijak pilih kursus

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PELAJAR institusi pengajian tinggi perlu bijak memilih kursus dan mengimbangi beban akademik yang perlu ditanggung pada setiap semester agar Purata Nilai Gred (PNG) mereka sentiasa melebihi 3.0.

Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata pemilihan kursus atau mata pelajaran yang betul dengan jumlah jam kredit yang wajar akan membolehkan pelajar mendapat pangkat tinggi sekali gus mencatat PNG cemerlang.

Bagi pelajar universiti itu katanya, mereka ditetapkan mengambil sekurang-kurangnya 12 jam kredit atau maksimum 18 jam kredit pada setiap semester.

Beliau berkata, kebanyakan pelajar mengambil seberapa banyak kursus yang dibenarkan supaya mereka dapat menamatkan pengajian dengan cepat tetapi dengan beban akademik yang berat menyebabkan PNG diperoleh sangat rendah.

"Pihak universiti mahu pelajar mengambil beberapa kursus dengan jumlah jam kredit yang wajar seperti 14 atau 15 jam kredit pada setiap semester agar mereka dapat keputusan cemerlang.

"Mungkin pelajar ini terlewat satu atau dua semester sebelum menamatkan pengajian tetapi akhirnya PNG Kumulatif (PNGK) mereka melebihi 3.5



Dr Mohd Zohadie

dan mendapat ijazah kelas pertama.

"Ijazah yang membuktikan kecemerlangan ini amat penting untuk graduan mendapat pekerjaan yang baik dan menjadi kerjaya mereka untuk tempoh 25 atau 30 tahun selepas itu," katanya di Serdang.

Dr Mohd Zohadie berkata, UPM mengadakan taklimat khas kepada pelajar baru setiap sesi akademik agar mereka faham mengenai kaedah pengiraan PNG dan cara mendapatkan keputusan cemerlang.

Untuk pelajar sedia ada, katanya, universiti itu mengadakan sistem pembimbing akademik, iaitu setiap pensyarah mengetahui sekumpulan pelajar sebagai penasihat akademik.

Beliau berkata, universiti itu berhasrat untuk meningkatkan jumlah pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama dan me-

ngurangkan bilangan yang gagal atau mendapat ijazah kelas ketiga.

"Daripada 6,357 graduan pada 2001, hanya 1.18 peratus atau 75 graduan mendapat ijazah kepujian kelas pertama tetapi 5.42 peratus atau seramai 345 lulus dengan kelas ketiga.

"Tahun lalu pula, 113 atau 1.69 peratus daripada 6,694 graduan mendapat ijazah kelas pertama, manakala 446 atau 6.67 peratus kelas ketiga. Jumlah pelajar mendapat kelas pertama amat rendah, terutama di kalangan Bumiputera," katanya.

Dr Mohd Zohadie berkata, UPM akan menambah pensyarah agar nisbah antara tenaga pengajar dengan pelajar lebih rendah, iaitu 1:12 dan proses pendidikan dapat berlaku dengan lebih baik.

Ketika ini, beliau menjelaskan, fakulti yang mempunyai nisbah hampir dengan purata itu ialah Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Pertanian, manakala Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta Fakulti Pendidikan, agak tinggi, iaitu 1:18. Bagaimanapun, Fakulti Perubatan, nisbahnya 1:5. Untuk menambah jumlah pensyarah, tahun lalu UPM mengambil 32 pensyarah, 13 pensyarah perubatan dan 111 tutor.

"Selain meningkat jumlah pensyarah, UPM juga meningkatkan kualiti pensyarah dengan hanya mengambil graduan kelas pertama atau kelas kedua tinggi sebagai tutor," katanya.